

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

22. Biasiswa Negeri Pulau Pinang

- (a) Senaraikan jenis-jenis program biasiswa yang kini terdapat di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara terperinci.
- (b) Bilakah tarikh permohonan untuk biasiswa-biasiswa tersebut?
- (c) Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan untuk biasiswa yang dikeluarkan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Terdapat tiga (3) jenis biasiswa yang disediakan di bawah Kerajaan Negeri iaitu Biasiswa Penang Future Foundation, Biasiswa Kecil Negeri dan Biasiswa Negeri. Maklumat terperinci, tarikh permohonan dan jumlah peruntukan bagi ketiga-tiga biasiswa tersebut adalah seperti berikut :-

- (a) Biasiswa Penang Future Foundation

Biasiswa PFF yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan menaja pelajar dari seluruh Malaysia yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan/Kewangan (STEMA). Program ini memberi bermanfaat kepada Kerajaan Negeri di mana iaanya bukan sahaja dapat menarik bakat baru ke Pulau Pinang, malahan juga dapat mengekalkan bakat sedia

ada bagi menyokong permintaan tenaga kerja di Pulau Pinang. Biasiswa ini diuruskan oleh InvestPenang (Penang Career Assistance & Talent (CAT) Centre) sebagai sekretariat, di mana pengambilan pemegang biasiswanya telah bermula pada tahun 2015.

Permohonan bagi biasiswa ini hanya dibuka sekali pada setiap tahun dan tertakluk kepada pengumuman rasmi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF. Namun, pengumuman permohonan PFF pada tahun ini akan dibuat selepas Pandemik COVID-19 berakhir.

Sebanyak RM42.1 juta telah diperuntukan untuk biasiswa PFF menerusi sumbangan sektor swasta dan individu sepanjang tempoh 2015 sehingga Mac 2020. Bagi 511 pemegang biasiswa PFF yang telah dianugerahkan setakat ini, sebanyak RM29.3 juta telah diperuntukan dan berbaki sebanyak RM12.8 juta untuk tujuan pengambilan baru pemegang biasiswa ini.

(b) Biasiswa Kecil Negeri (BKN)

Biasiswa Kecil Negeri adalah biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar menengah rendah dan pelajar menengah atas di Negeri Pulau Pinang. Pemilihan penerima BKN dilaksanakan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) melalui Sistem Pengurusan Biasiswa (SISPEB) berdasarkan merit pendapatan ibubapa / penjaga, pencapaian akademik dan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum yang telah ditetapkan dan terhad kepada jumlah peruntukan yang diagihkan. Sejak 2013, kadar BKN adalah ditetapkan pada kadar RM600.00 untuk pelajar Tingkatan 1 hingga 3 dan RM840.00 untuk pelajar Tingkatan 4 hingga 5.

Pemilihan BKN akan dilaksanakan setelah proses pemilihan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) selesai dilaksanakan oleh JPNPP. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM2 juta setiap tahun di bawah Tabung Amanah Biasiswa Kecil Negeri.

(c) Biasiswa Negeri

Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut pada tahun 2012 telah memutuskan untuk memberi pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan melalui pertukaran status pinjaman kepada biasiswa untuk para pelajar yang memperolehi Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama dengan CGPA 3.67 ke atas dari IPTA tempatan. Ianya akan dipertimbangkan berdasarkan permohonan yang diterima. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM260,000.00 setiap tahun di bawah Tabung Amanah Biasiswa Negeri.